



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Mandi-Mandi Sunat Dan Permasalahannya

(Bahagian Pertama)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Menjaga kebersihan diri sangat dituntut dalam Islam. Ia bukan saja dititikberatkan dalam perkara-perkara ibadah seperti sembahyang, bahkan dalam rutin hidup seharian pun Islam tetap mendidik umatnya supaya sentiasa menjaga kebersihan diri.

Antara cara membersihkan diri yang paling utama dalam Islam ialah mandi. Mandi mempunyai bermacam-macam kebaikan dan kelebihan. Selain mampu membuang kotoran dan membersihkan badan, mandi juga mampu menyegarkan tubuh badan yang kesannya menambahkan lagi semangat, kekuatan dan kesegaran untuk beribadah dan menghadapi cabaran hidup seharian.

Tubuh badan yang sentiasa bersih daripada kotoran juga mampu membantu mengekalkan kesihatan dan menjauhi penyakit. Manakala dari aspek hidup bermasyarakat pula, tubuh badan yang bersih mampu memberi keselesaan kepada orang lain yang berada di sekitar kita. Ini sangat diambil berat oleh Islam apatah lagi ketika sembahyang berjemaah di masjid. Selain itu, banyak lagi hikmah-hikmah tersembunyi dalam pensyariatian mandi, tidak kira sama ada mandi wajib ataupun mandi sunat, yang hanya diketahui oleh Allah *Subhaanahu wa Ta'ala*.

Perkara-Perkara Yang Dituntut Padanya Mandi Sunat

Perkara-perkara yang disunatkan padanya mandi itu banyak, antara yang disebutkan oleh ulama ialah:

1. Mandi sunat kerana hendak menghadiri sembahyang Jumaat.

Menurut ulama, diantara kesemua mandi-mandi sunat yang disyariatkan, mandi sunat sembahyang Jumaat ini ialah mandi sunat yang paling utama. Mandi ini disyariatkan ke atas sesiapa sahaja yang hendak menghadiri sembahyang Jumaat, sama ada lelaki ataupun perempuan, dewasa ataupun kanak-kanak, merdeka ataupun hamba, bermukim ataupun sedang musafir. Adapun orang yang tidak menghadirinya pula, maka tidaklah dituntut daripada mereka untuk mengerjakannya.

Ini berdasarkan sebuah hadis sahih yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar *Radhiallahu ‘anhuma*, bahawasanya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah bersabda:

()

Maksudnya: “Barangsiapa daripada kamu yang datang untuk mendirikan sembahyang Jumaat, maka hendaklah dia mandi”.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Waktu mandi sunat sembahyang Jumaat ini bermula setelah terbit fajar *sadiq*, dan menurut ulama adalah tidak memadai

jika ianya dikerjakan sebelum terbit fajar *sadiq*. Adapun mengakhirkannya sehingga hendak keluar rumah untuk pergi menghadiri *sembahyang Jumaat* adalah lebih *afdhal*, kerana ini lebih dekat dengan maksud pensyariatannya, iaitu untuk menghilangkan bau-bau tubuh badan yang kurang menyenangkan kerana menjaga *keselesaan* dan *kemaslahatan* jemaah-jemaah yang lain.

Mandi *sunat* *sembahyang Jumaat* ini habis waktunya setelah selesai *sembahyang Jumaat*, iaitu setelah imam memberi *salam*.

Jika bertembung dua keutamaan antara mandi dan awal ke masjid, maka mandi ataupun gantiannya (*tayammum*) adalah lebih diutamakan jika tidak dikhuatiri luput *sembahyang Jumaat* itu.

Menurut pendapat *jumhur*, jika ditinggalkan mandi *sunat* *sembahyang Jumaat* ini tidaklah ia sampai menjejaskan atau merosakkan *sembahyang Jumaat*, dan tidak pula ianya menyebabkan *berdosa*. Akan tetapi *makruh* hukumnya jika ia ditinggalkan tanpa sebarang *keuzuran*.

Selain *disunatkan* mandi, *disunatkan* juga bagi orang yang hendak menghadiri *sembahyang Jumaat* ini untuk memakai *harum-haruman* dan membersihkan diri dengan membuang bulu-bulu ketiak dan bulu-bulu kemaluan, memotong kuku, menghilangkan bau-bau yang tidak menyenangkan daripada tubuh badan serta pakaian dan memakai pakaian yang terbaik.

2. Mandi sunat dua hari raya, iaitu Hari Raya 'Idil Fitri dan Hari Raya 'Idil 'Adha.

Mandi sunat ini disyariatkan ke atas seluruh umat Islam, tidak kira sama ada orang tersebut menghadiri sembahyang Sunat Hari Raya ataupun tidak. Ini kerana mandi ini disyariatkan atas tujuan berhias bagi membesarkan kedua-dua hari raya tersebut, maka ianya disunatkan ke atas seluruh umat Islam walaupun pada waktu tersebut orang itu masih lagi dalam keadaan haidh ataupun nifas.

Mandi sunat ini masuk waktunya pada pertengahan malam hari raya, dan berakhir waktunya dengan terbenamnya matahari pada hari raya tersebut (masuk hari yang seterusnya mengikut kiraan taqwim Islam).

Selain disunatkan mandi, disunatkan juga pada hari raya tersebut, sama ada bagi yang menghadiri sembahyang Sunat Hari Raya ataupun tidak, untuk memakai harum-haruman dan membersihkan diri dengan membuang bulu-bulu ketiak dan bulu-bulu kemaluan, memotong kuku, menghilangkan bau-bau yang tidak menyenangkan daripada tubuh badan serta pakaian dan memakai pakaian yang terbaik sepertimana ianya disunatkan ke atas orang yang hendak menghadiri sembahyang Jumaat.

3. Mandi sunat kerana hendak mengerjakan sembahyang Sunat Gerhana Bulan atau sembahyang Sunat Gerhana Matahari.

Mandi ini sunat dilakukan bagi orang yang hendak mengerjakan sembahyang Sunat Gerhana, sama ada orang itu hendak mendirikannya secara berjemaah ataupun

bersendirian. Mandi sunat ini masuk waktunya ketika mula berlaku gerhana (permulaan berlakunya perubahan pada matahari atau bulan), dan habis waktunya setelah sempurnanya *injila'*, iaitu setelah matahari (ketika gerhana matahari) atau bulan (ketika gerhana bulan) tersingkap keseluruhannya.

4. Mandi sunat kerana hendak mengerjakan sembahyang Sunat Istisqa' (meminta hujan).

Mandi ini sunat dilakukan bagi orang yang hendak mengerjakan sembahyang Sunat Istisqa' sama ada bagi orang yang hendak mengerjakannya secara berjemaah ataupun bersendirian.

Waktu mengerjakan mandi sunat ini bagi orang yang hendak mengerjakannya secara berjemaah ialah ketika hendak keluar rumah untuk pergi ke tempat diadakan perhimpunan sembahyang Sunat Istisqa'. Manakala bagi orang yang hendak mengerjakannya secara bersendirian pula, waktu mengerjakannya ialah ketika orang tersebut hendak mengerjakan sembahyang Sunat Istisqa'. Mandi sunat ini habis waktunya apabila sembahyang Sunat Istisqa' mula didirikan.

5. Mandi sunat bagi orang yang telah memandikan mayat.

Menurut ulama, tidak ada beza dalam hal ini sama ada mayat yang dimandikannya itu adalah mayat orang Islam ataupun mayat orang kafir. Begitu juga tidak ada beza walaupun mayat tersebut haram dimandikan dari segi syara' seperti

mayat orang yang mati syahid kerana berjuang di jalan Allah, ataupun makruh dimandikan seperti mayat orang kafir *harbi*.

Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* menambah, bahawa tetap disunatkan mandi bagi orang yang telah memandikan mayat walaupun mayat tersebut tidak diharuskan ke atas dirinya untuk memandikannya, umpamanya seorang lelaki yang telah memandikan mayat perempuan *ajnabi* (yang bukan mahramnya).

Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* berkata: “(Sunat mandi) walaupun mayat yang dimandikannya itu ialah mayat orang yang mati syahid, sungguhpun dia (orang yang memandikan mayat orang yang mati syahid itu) telah melakukan sesuatu yang diharamkan (kerana mayat orang yang mati syahid tidak boleh dimandikan), dan (tidak ada beza) walaupun orang yang memandikan itu seorang mahupun ramai. Manakala orang yang tidak memandikan mayat seperti orang-orang yang menyediakan air (untuk memandikan mayat) dan sebagainya, maka tidaklah dituntut daripada mereka untuk mandi. Dan dari segi zahirnya, tidak ada beza bagi sesiapa sahaja yang memandikan mayat itu, sama ada dia memandikan seluruh badan mayat, atau hanya memandikan sebahagiannya sahaja seperti tangannya, dan bahkan hukum sunat mandi itu sama sahaja, walaupun yang tertinggal daripada mayat tersebut hanyalah anggota-anggota tersebut sahaja (seperti tangan dan seumpamanya), dan (disunatkan mandi) tidak kira orang yang memandikan itu dalam keadaan suci ataupun berhadas, seperti orang yang sedang dalam keadaan haid”.

Selain itu, orang yang melakukan tayammum bagi mayat yang tidak dapat dimandikan dengan air kerana sebab-sebab tertentu juga disunatkan untuk mandi. Akan tetapi, jika terdapat halangan bagi orang yang melakukan tayammum bagi mayat itu untuk mengerjakan mandi sunat ini kerana suatu sebab, maka memadailah baginya untuk menggantikannya dengan bertayammum sahaja.

bersambung